

BAB 4 PENGELUARAN

PILIH JAWAPAN YANG TEPAT

Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran.

Kos yang bertambah akibat daripada pertambahan satu unit keluaran

Apakah kos tersebut?

- A Kos tetap
- B Kos purata
- C Kos berubah
- D Kos marginal

Pernyataan manakah benar tentang input berubah dalam fungsi pengeluaran jangka pendek sesuatu barang?

- A Tidak wujud apabila output sifar
- B Wujud dalam jangka pendek sahaja
- C Contoh input berubah ialah tapak kilang
- D Tidak berubah secara langsung dengan tingkat keluaran

Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran sesebuah firma.

Kos yang ditanggung oleh firma untuk menghasilkan output 40 unit ialah RM8 000. Apabila firma menambahkan output menjadi 43 unit, kos pengeluaran meningkat sebanyak RM8 400.

Berapakah kos marginal firma?

- A 100.00
- B 133.33
- C 186.04
- D 195.34

Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

- Kos Upah = RM170
- Kos mesin = RM80
- Kos purata = RM5

Berapakah jumlah output.

- A 50 unit
- B 85 unit
- C 250 unit
- D 255 unit

Jadual 2 menunjukkan fungsi pengeluaran Firma Irfan.

Bilangan buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)
6	80
8	120
10	180
14	360

Jadual 2

Berapakah keluaran sut bagi buruh yang ke 8?

- A 20 unit
- B 30 unit
- C 60 unit
- D 80 unit

Encik Zakri merupakan peniaga kedai makan di Pekan Kuala Ketil. Pilih padanan yang betul bagi input tetap dan input berubah yang digunakan oleh beliau dalam menguruskan perniagaannya.

	Input Tetap	Input Berubah
A	3 tong gas	Sebuah peti sejuk beku
B	Sebuah dapur masak	10 orang pekerja
C	Sebuah mesin ABC	4 buah dapur gas
D	6 botol kicap	2 buah mesin pengisar

Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

Kos tetap : RM80
Kos berubah : RM200
Bilangan output : 500 unit

Berapakah kos purata untuk mengeluarkan 500 unit output?

- A RM0.16
- B RM0.40
- C RM0.56
- D RM1.79

Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran Restoran Selera KB.

Sewa	RM 5 000
Upah Buruh	RM 3 400
Bahan Mentah	RM 1 000
Bil elektrik dan air	RM 1 000
Pembelian peti sejuk	RM 5 000

Hitung kos tetap dan kos berubah restoran berikut

	Kos berubah	Kos tetap
A	RM 10 000	RM 5 400
B	RM 5 400	RM 10 000
C	RM 11 000	RM 4 400
D	RM 4 400	RM 11 000

Pernyataan manakah benar tentang firma?

- A. Berperanan membekalkan sumber ekonomi
- B. Bermatlamat untuk memaksimumkan kepuasan
- C. Melaburkan semula keuntungan untuk membesarkan perniagaan
- D. Merupakan unit ekonomi yang menggunakan barang dan perkhidmatan

Jadual di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

Tingkat Keluaran (unit)	Kos Berubah (RM)
10	200
20	450
30	660
40	970

Jika kos tetap ialah RM150, pada tingkat keluaran berapakah kos purata paling minimum?

- A 10 unit
- B 20 unit
- C 30 unit
- D 40 unit

